

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2015

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia divest semua kepentingan perniagaan Kerajaan, kecuali industri strategik seperti Petronas. Kerajaan perlu kembali hanya kepada pemerintahan dan pentadbiran sahaja kerana Kerajaan selalu mengalami kerugian dan kerumitan di dalam urusan perniagaannya. Ini akan sejajar dengan kata-kata *The Government has no business in doing business as the business of the Government is to Govern.*

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan Kerajaan melalui

pelaburan ekuiti hanya dibuat bagi sektor strategik atau yang berkaitan dengan infrastruktur awam, sosial, penyelidikan dan pembangunan teknologi serta penggalakan pelaburan dalam sektor baru seperti bioteknologi. Pegangan saham Kerajaan juga sewajarnya bersifat sementara iaitu apabila objektif pelaburan tercapai, penswastaan atau pelupusan ekuiti akan dilaksanakan.

Pada tahun 2011, Kerajaan telah melancarkan inisiatif (*Government Role in Business - GRiB*) di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik (*Strategic Reform Initiatives - SRI*) sebagai langkah untuk merasionalisasikan penglibatan Kerajaan dalam perniagaan melalui pelupusan saham atau penutupan syarikat milik Kerajaan. Inisiatif ini bertujuan untuk mencapai tiga matlamat utama iaitu mengelakkan *crowding out* sektor swasta, meningkatkan kecairan pasaran modal dan meningkatkan kebolehlaburan (*investability*) dalam pasaran saham untuk menggalakkan pelaburan swasta (*private investment*) dalam merancakkan ekonomi negara. Sehingga Oktober 2015, Kerajaan telah melupuskan pegangan saham 14 buah syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Khazanah Nasional Berhad.

Kerajaan akan terus mengenal pasti syarikat yang bersesuaian untuk dilupuskan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama Kerajaan akan terus mengekalkan penyertaan ekuitinya terutamanya dalam sektor strategik, sektor yang menghadapi kegagalan pasaran (*market failure*) atau demi menjayakan pelaksanaan dasar dan program tertentu Kerajaan.